



JUARA...  
Fandyi bersama trofi kemenangan yang diterima selepas bergelar juara pidato.

## Fandyi wakili Sabah selepas dinobat Juara Pidato Belia

KOTA KINABALU: Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fandyi Sanizan Jurup muncul johan dalam Pertandingan Pidato anjuran Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini.

Dengan tajuk 1Malaysia Asas Pembentukan Bangsa, Fandyi berjaya mencuri tumpuan para juri sekali gus menerima hadiah wang RM500, piala dan sijil.

Beliau juga akan mewakili Sabah ke pertandingan peringkat kebangsaan yang berlangsung pada Festival Belia di Wilayah Persekutuan Putrajaya, 24-27 Mei 2014.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh Wan Zainudin Aspar dan Mohd Fadli dari-pada Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Wan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM300, piala dan sijil manakala Fadli menerima RM200, piala dan sijil.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Sabah, Zainudin Atin.

Dalam pada itu, Fandyi ketika dihubungi pemberita melahirkan rasa kesyukuran terhadap pencapaian yang diperoleh.

“Kejayaan ini tidak mampu dicapai tanpa sokongan pihak universiti khususnya daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,” ujar pemuda kelahiran Ranau itu.

Beliau turut bertekad untuk mengharumkan nama UMS sekali lagi pada pertandingan peringkat kebangsaan nanti.